

Kosm.0

14/06/2010

MIS ~~20~~¹⁷ - 19

Menyelami Hidup Anda



DERITA
RAKYAT
PALESTIN



Apakah kisah yang
dikongsikan oleh
sukarelawan Misi
Keamanan Palestin
2009 ketika
menyelamatkan
mangsa perang
di Hospital Darul
Syifa di Gaza?

Pengalaman sukarelawan Gaza

SELAIN terpaksa tinggal di dalam khemah kerana rumah mereka dimusnahkan oleh tentera Israel, wanita ini menunjukkan peti sejuknya yang kosong tanpa makanan.

Oleh **AMMAR JAZLAN MAD LELA**
ammar.jazlan@kosmo.com.my

“KAMI tidak makan sejak tiga hari lalu.” Kata-kata seorang penghuni Rumah Anak-Anak Yatim Tal Al Sultan di Rafah masih terganggu-ngiang di telinga Dr. Jammul Azhar Mulkan.

Biarpun kejadian itu berlaku lebih setahun yang lalu, namun jawapan kanak-kanak itu membuka matanya terhadap kekejaman rejim Zionis Israel terhadap rakyat Palestin.

Pada masa itu, beliau dan para sukarelawan Misi Keamanan Palestin 2009 sedang melakukan lawatan ke rumah kebajikan yang menempatkan kira-kira 200 orang penghuni.

Jammul tidak dapat melupakan bagaimana kanak-kanak itu sanggup berbohong di hadapan sukarelawan bagi me-

nyembunyikan kesengsaraan-nya.

“Saya bertanya sama ada mereka sudah makan? Rata-rata menjawab sudah, tiba-tiba seorang kanak-kanak berusia dalam lingkungan lima tahun menghampiri saya lalu berbisik mereka tidak makan sejak tiga hari lalu,” katanya.

Mendengar jawapan itu, beliau berlari ke kenderaan dan mengambil gula-gula yang sempat dibeli ketika tiba di Mesir.

“Kami hanya mampu memberi mereka gula-gula kerana konvoi makanan telah dihalang memasuki Gaza oleh kerajaan Mesir. Walaupun tidak mengenyangkan namun ia sudah cukup mence-riakan mereka,” katanya yang terharu mengenangkan peristiwa itu.

Malah Jammul juga tidak dapat melupakan kata-kata seorang remaja Palestin yang beliau temui ketika cuba menghulurkan sedikit wang kepadanya.

“Kami tidak mahukan wang anda. Apa yang kami mahu ialah sokongan dan

bantuan daripada negara-negara Islam untuk membantu perjuangan dan membangunkan semula negara kami,” kata seorang remaja yang kecewa de-

ngan nasib mereka yang diperkotak-katikkan oleh rejim Zionis Israel.

Serangan besar-besaran

Perbualan singkat dengan remaja itu membuka matanya terhadap realiti kehidupan yang dilalui oleh masyarakat Palestin lebih-lebih lagi memikirkan masa depan anak-anak yatim di rumah itu yang hidup dalam kedaifan dan serba kekurangan.

Bercerita mengenai misi yang dijalankan oleh Dewan Pemuda Masjid Malaysia (Pemuda Masjid) pada 21 Januari 2009 itu membawa pelbagai barangan asas seperti makanan dan perubatan untuk rakyat di wilayah yang mengalami krisis kemanusiaan selepas dikenakan sekatan oleh rejim Zionis sejak Hamas memenangi pilihan raya pada tahun 2006.

Ia disertai kira-kira 13 sukarelawan, petugas media termasuk Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha. Rombongan tersebut tiba selepas serangan besar-besaran rejim itu yang mengorbankan kira-kira 1,400 orang rakyat Palestin dan 13 warga Israel.

Biarpun berdepan dengan kerenah birokrasi yang ketat ketika tiba di pintu masuk sempadan termasuk terpaksa menunggu hampir lapan jam, para sukarelawan akhirnya berjaya menjejakkan kaki ke Gaza.

Menceritakan saat sukar di sana, beliau bersama sukarelawan lain terlibat dalam pembedahan bagi menyelamatkan mangsa pe- rang di Hospital Darul Syifa di Gaza.

RAKYAT Palestin mendapat bantuan bekalan makanan daripada Agensi Kerja dan Bantuan Bantuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNRWA) di Bandar Gaza.

KANAK-KANAK tidak berdosa turut menjadi mangsa keganasan rejim Zionis.



BANGUNAN
Kementerian
Pendidikan
Palestin
di Gaza terbakar
akibat
serangan bom.



SHEIKH MUSZAPHAR SHUKOR (kanan) yang turut tidak ketinggalan menyertai misi keamanan Palestin 2009.

JAMNUL (kanan) melihat keadaan salah seorang mangsa yang terkena serpihan bom.

◀◀ “Semua wad penuh dengan mangsa pengeboman tapi kepakaran doktor dan peralatan tak cukup, banyak pesakit tak dapat melepasi sempadan kerana ditahan dan terpaksa duduk dalam ambulans selama dua hari sebelum dihantar ke hospital,” katanya.

Kekejaman rejim Zionis jelas terserlah apabila menjadikan orang awam sebagai mangsa malah mereka juga menggunakan peluru fosforus putih bagi menghancurkan pejuang Hamas.

Apabila kelongsong peluru dikeluarkan fosforus putih yang terdedah kepada oksigen akan terbakar sehingga mengakibatkan daging dan kulit pesakit luruh dengan sendirinya.

Mengakui pertama kali berhadapan situasi itu, pakar perubatan terpaksa menggunakan air zam zam untuk memadamkan api pada luka berkenaan dan mengurangkan penderitaan pesakit.

“Kesudahannya ialah kaki atau tangan pesakit terpaksa dipotong mereka yang cedera parah pula rata-ratanya mempunyai peluang tipis untuk hidup,” ujarinya.

Bom hospital

Sepanjang berada di hospital itu, para sukarelawan juga berdepan dengan situasi mencemaskan apabila hospital itu dibom oleh pihak rejim yang mengakibatkan 12 kematian orang awam.

Bagaimanapun kesemua mereka terselamat dan sempat keluar dari bangunan itu yang menyasarkan sebuah makmal perubatan.

Beliau menambah, tentera Zionis turut bertindak kejam apabila memusnahkan stor makanan milik Persatuan bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), ladang ternakan dan tanaman yang diusahakan oleh rakyat Palestin dengan kereta kebal.

“Ini merupakan taktik halus mereka bagi memastikan rakyat Palestin yang dikenakan sekatan sebelum ini terputus bekalan makanan.

“Pada masa yang sama, bekalan air bersih juga sering terputus menyebabkan mereka terpaksa menggali air bawah tanah bagi mendapatkan sumber berkenaan,” ujarinya yang kagum dengan perjuangan rakyat Palestin yang tidak pernah luntur.

Perbualan beliau dengan

Pengarah Hospital Darul Syifa, Dr. Jaafar Abd. Tayib ketika itu menemukannya dengan satu fenomena luar biasa sebagai bukti kekuasaan Allah.

Beliau diberitahu sebelum serangan besar-besaran pada Disember 2008, kadar kelahiran di Gaza mencatatkan peingkatan iaitu sekitar 3,000 hingga 4,000 orang setahun.

“Bagaimanapun pada Januari 2009 kadar kelahiran yang dicatatkan menyamai jumlah dalam tempoh setahun, malah rata-ratanya pula ialah bayi lelaki.

“Ia merupakan satu keajaiban, kita tahu bayi-bayi lelaki ini akan membesar dan kemudiannya bakal menjadi pejuang seperti pejuang-pejuang lain yang mati syahid dalam mempertahankan negara mereka,” katanya.

Bagaimanapun, para sukarelawan terpaksa keluar dari Gaza berikutan ancaman tentera Israel yang dikatakan mahu memusnahkan terowong yang menghubungkan Palestin ke Mesir.

Walaupun berat hati, mereka terpaksa mengambil keputusan yang menyedihkan itu atas dasar keselamatan kerana mendapat perkhabaran Israel mula menyerang kawasan sempadan.

“Biarpun perjalanan kami agak singkat, pengalaman yang dilalui cukup menginsafkan, apa yang lebih penting kami mahu menyampaikan kekejaman yang berlaku kepada masyarakat di luar sana,” katanya.

SEBUAH van
musnah selepas
serangan
di Hospital Darul
Syifa di Gaza.



Jenayah perang Zionis selama tiga dekad

SEJAK menduduki Palestin pada Jun 1967, Zionis telah melakukan banyak pencerobohan, pencabulan hak asasi termasuk pembunuhan beribu-ribu nyawa yang tidak berdosa seperti yang berlaku di Sabra dan Shatila kira-kira 28 tahun lalu.

“Serangan ke atas hospital, stor bekalan makanan dan ubatan PBB, sekolah, masjid serta kemudahan awam jelas melanggar undang-undang antarabangsa dan negara itu sebenarnya boleh didakwa kerana melakukan jenayah perang,” kata Profesor Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Ahmad Nizamuddin Sulaiman.

Malah berdasarkan laporan kumpulan Hak Asasi Manusia, iaitu Amnesty International semasa serangan 21 hari Israel ke atas Gaza pada Disember 2008, rejim itu didakwa secara terang-terangan menggunakan fosforus putih ke atas kawasan yang padat dengan penduduk di Gaza secara rambang sehingga menyebabkan penderitaan kepada rakyatnya.

“Bagaimanapun selagi Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya terus memberi

perlindungan kepada rejim Israel, maka selagi itulah Israel terus kebal daripada sebarang tindakan.

“Puluhan resolusi yang telah dicapai di peringkat PBB juga gagal menghalangnya daripada bertindak kejam terutama ke atas rakyat Palestin,” kata beliau ketika dihubungi.

Beliau menjelaskan, kepimpinan Zionis mengamalkan dasar neo-konservatisme iaitu pertahanan secara menyerang seperti yang diamalkan AS semasa menggulingkan pemerintahan Saddam Hussein di Iraq yang kononnya didakwa memiliki senjata pemusnah besar-besaran.

Kepatuhan terhadap dasar di samping kepungan mentaliti menyebabkan ia sanggup melakukan apa sahaja sekiranya diancam walaupun dianggap bertentangan dengan undang-undang antarabangsa sama ada di lautan, udara dan daratan.

Tindakan kepungan dan sekatan terhadap Gaza bertujuan untuk melumpuhkan kuasa Hamas yang dianggap sebagai penganas dan keenggannya mengiktiraf rejim berkenaan.

“Dalam kejadian serangan berdarah

baru-baru ini, mereka beranggapan flotila kemanusiaan hanyalah satu helah untuk menyeludup senjata-senjata berbahaya yang boleh digunakan Hamas untuk mengancam keselamatannya,” ujarnya.

Sementara itu, biarpun berhadapan dengan pengalaman ngeri ketika diserang termasuk pengalaman ditahan selama 28 jam, Pengerusi Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia (Haluan) Palestin, Noorazman Mohd. Samsuddin memberitahu, serangan berjaya membuka mata masyarakat antarabangsa untuk bersatu menentang kekejaman rejim Zionis.

Serangan yang dilakukan terhadap aktivis kemanusiaan disifatkan mempunyai hikmahnya tersendiri apabila berjaya mendedahkan sikap sebenar Israel.

“Walaupun ia hanya separuh jalan, sekurang-kurangnya dunia sudah maklum dengan kezaliman Israel. Agensi berita dunia seperti CNN pun menyiarkan berita mengenai kemarahan masyarakat antarabangsa terhadap Israel. Ini adalah satu kejayaan besar buat kami,” katanya.



LADANG ternakan ayam di Bail El Samuni turut dibom bagi memastikan rakyat Palestin kekurangan sumber makanan.